

90,000 Puteri UMNO daftar dengan SPR

UM 27 JUL 2003

SEREMBAN 26 Julai – Hampir 90,000 ahli Puteri UMNO di seluruh negara sudah mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) manakala keseluruhan 122,000 ahli pergerakan itu akan dipastikan berbuat demikian sebelum pilihan raya umum ke-11.

Naib Ketuanya, Noraini Ahmad berkata, bagi mencapai hasrat itu, kempen supaya kesemua ahli Puteri UMNO mendaftar dengan SPR sedang giat diadakan.

Menurut beliau, semua ahli Puteri mesti mendaftar dengan SPR dalam usaha supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi untuk menentukan pemerintahan negara ini pada masa depan.

“Ini kerana pada masa yang sama Puteri juga mengadakan kempen mendaftar ahli baru yang dijalankan di seluruh negara sama ada di peringkat cawangan, bahagian dan negeri,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas meninjau kempen menambah

ahli dan tandatangan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad anjuran Puteri UMNO Negeri Sembilan di Pusat Membeli-Belah Terminal One di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Puteri UMNO Negeri Sembilan merangkap Ketua Penerangan Puteri UMNO, Bibi Sharliza Mohd. Khalid.

“Kami yakin bilangan mereka yang mendaftar dengan SPR akan meningkat dalam tempoh yang terdekat.

“Dengan sebab ini juga, setiap kali pihak Puteri UMNO mengadakan kempen penambahan ahli, kami melibatkan sama SPR supaya mereka terus mendaftar dengan suruhanjaya berkenaan,” ujarnya.

Ditanya mengenai kempen penambahan keahlian, kata Noraini, pihaknya tidak meletakkan sebarang sasaran tetapi akan berusaha menambah bilangan keahlian seramai mungkin.